



# DASAR PEMBERI MAKLUMAT

## 1. PENGENALAN

Selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik serta dengan pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan peruntukan yang relevan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (sebagaimana yang dipinda), Lembaga Pengarah dan Pengurusan WCT Holdings Berhad (“Syarikat”) adalah komited kepada standard integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawaban yang paling tinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. Matlamatnya adalah untuk mengendalikan urusannya secara beretika, bertanggungjawab dan telus.

## 2. OBJEKTIF

Objektif dasar ini adalah untuk menggariskan komitmen dan rangka kerja Kumpulan supaya mana-mana individu yang ingin membuat laporan untuk mendedahkan maklumat (“Pemberi Maklumat”) dapat mengemukakan kebimbangan sebenar berkenaan sebarang kelakuan tidak wajar oleh mana-mana pekerja atau Pengarah Kumpulan ini (termasuklah sebarang salah laku, kesalahan, rasuah, penipuan dan/atau penyalahgunaan kuasa) dengan seberapa segera tanpa dikenakan tindakan dan/atau tindakan balas (termasuklah penganiayaan, gangguan atau diskriminasi) dan supaya perkara tersebut disiasat dengan sewajarnya dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

## 3. SKOP

Dasar ini melibatkan semua pekerja dan pihak ketiga yang mengetahui atau mempunyai tanggapan yang munasabah bahawa pekerja atau Pengarah Syarikat ini dan/atau mana-mana syarikat subsidiarinya (“Kumpulan”) telah terlibat, sedang terlibat atau sedia untuk terlibat dalam sebarang Kelakuan yang Tidak Wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah).

Kelakuan Tidak Wajar adalah sebarang tindakan, peninggalan atau kelakuan yang ditegah, menyalahi undang-undang, tidak bermoral, tidak beretika, tidak jujur, tidak wajar atau salah, dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. perbuatan/kesalahan jenayah;
- ii. kegagalan mematuhi sebarang undang-undang atau peraturan;
- iii. kegagalan mematuhi sebarang dasar, garis panduan, prosedur, makluman, arahan dan/atau panduan yang dikeluarkan oleh Kumpulan ini;
- iv. penyalahgunaan dana atau aset Kumpulan;
- v. tindakan atau peninggalan yang mendatangkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan pekerja atau orang awam atau alam sekitar;
- vi. amalan kerja yang tidak selamat atau pembaziran sumber Kumpulan yang banyak;
- vii. penyalahgunaan kuasa oleh pegawai Kumpulan ini;
- viii. penipuan, rasuah, sogokan, peras ugut, pengubahan wang haram;
- ix. gangguan seksual; dan
- x. menyembunyikan/menutup mana-mana yang tersebut di atas.



#### **4. DASAR LEMBAGA PENGARAH**

Lembaga Pengarah Syarikat ini menggalakkan mana-mana individu untuk membuat laporan sekiranya terdapat kebimbangan sebenar mengenai tanggapan dan/atau pengetahuan berkenaan sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang melibatkan mana-mana pekerja atau Pengarah Kumpulan ini tanpa rasa gentar akan dikenakan tindakan dan/atau menghadapi tindakan balas (termasuklah penganiayaan, gangguan atau diskriminasi), dan kebimbangan yang dilaporkan tersebut akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya berlaku Kelakuan Tidak Wajar tersebut.

#### **5. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

##### **a. Anonimiti**

Seorang Pemberi Maklumat boleh memilih untuk sama ada mendedahkan identitinya atau tidak apabila membuat laporan mengenai sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang disyaki dan/atau diketahui berlaku.

##### **b. Perlindungan daripada Dikenakan Tindakan atau Tindakan Balas**

Sekiranya Pemberi Maklumat memilih untuk mendedahkan identitinya, Syarikat akan memastikan bahawa Pemberi Maklumat tersebut diberi perlindungan daripada sebarang tindakan dan/atau tindakan balas (termasuklah penganiayaan, gangguan, diskriminasi) yang mungkin timbul akibat pelaporan tersebut.

Perlindungan yang diberikan di atas tidak terhad atau terjejas sekiranya laporan tersebut tidak menyebabkan sebarang tindakan tatatertib atau pendakwaan dibuat ke atas individu yang dinamakan dalam laporan Kelakuan Tidak Wajar tersebut.

##### **c. Kerahsiaan**

Syarikat akan merahsiakan semua laporan dan hanya akan mendedahkan maklumat (selain daripada identiti Pemberi Maklumat) atas dasar “perlu tahu” atau sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau pihak berkuasa yang sah.

Sekiranya Pemberi Maklumat memilih untuk mendedahkan identitinya semasa membuat laporan, identiti dan butir-butir peribadi Pemberi Maklumat akan tetap dirahsiakan KECUALI jika Pemberi Maklumat tersebut memberi kebenaran secara bertulis untuk mendedahkan identitinya kepada individu lain atau sekiranya pendedahan tersebut ditentukan oleh undang-undang, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau pihak berkuasa yang sah.



**d. Penempatan semula**

Pemberi Maklumat boleh memohon untuk ditempatkan di tempat kerja yang lain dan permohonan tersebut akan dipertimbangkan oleh Syarikat.

**5. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT – sambungan**

**e. Pembatalan Perlindungan Pemberi Maklumat**

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat seperti yang dinyatakan di atas boleh dibatalkan oleh Syarikat sekiranya:

- i. Pemberi Maklumat sendiri terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar;
- ii. Pemberi Maklumat tidak membuat laporan secara jujur;
- iii. Laporan yang dibuat adalah remeh atau menyusahkan;
- iv. laporan dibuat dengan niat atau tujuan untuk mengelakkan dari dipecat atau dikenakan tindakan tatatertib lain terhadap Pemberi Maklumat itu sendiri

**6. PELAPORAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

- a. Sekiranya Pemberi Maklumat mengesyaki adanya Kelakuan Tidak Wajar, Pemberi Maklumat tersebut digalakkan untuk melaporkan kejadian tersebut dengan menghantar laporan melalui [borang atas talian](#) yang terdapat di laman web Syarikat (<https://www.wct.com.my/whistleblowingform/>) atau melalui e-mel kepada [whistleblower@wct.my](mailto:whistleblower@wct.my) atau melaui pos kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit di alamat berikut:

Pengerusi Jawatankuasa Audit WCT Holdings Berhad B-30-01, The Ascent, Paradigm No. 1 Jalan SS7/26A, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor Tel: 03-78066688 / Faks: 03-78066633
--

Laporan mestilah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat individu-individu yang terlibat, jenis dakwaan, bila dan di mana kejadian tersebut berlaku, serta bukti yang berkenaan, sekiranya ada.

**b. Penyasatan & Tindakan**

- i. Semua laporan yang dihantar menurut Dasar Pemberi Maklumat ini akan disiasat dengan segera oleh Syarikat apabila laporan diterima oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit.



- ii. Pengerusi Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa untuk:
  - a. menentukan kesahihan laporan;
  - b. menolak laporan sekiranya ia adalah remeh dan menyusahkan dan/atau tidak mengandungi sebarang unsur Kelakuan Tidak Wajar;
  - c. mengarahkan tindakan atau pertanyaan selanjutnya;
  - d. menentukan pihak yang layak untuk menjalankan siasatan, iaitu pakar dari luar (yang akan dilantik) atau pihak pengurusan atau Audit Dalaman Kumpulan Syarikat.

## **6. PELAPORAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

- iii. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Audit merupakan individu yang dinamakan dalam laporan Pemberi Maklumat, beliau seharusnya tidak terlibat dalam membuat cadangan atau menjalankan siasatan dan perlu merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Audit dengan seberapa segera.
- iv. Segala siasatan akan dijalankan secara adil dan tidak berat sebelah
- v. Setelah selesai penyiasatan, tindakan yang sewajarnya akan dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat untuk pertimbangan dan keputusan
- vi. Sekiranya Kelakuan Tidak Wajar itu melibatkan pelanggaran peruntukan undang-undang, laporan rasmi akan dibuat kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
- vii. Sesiapa yang telah didapati bersalah melakukan Kelakuan Tidak Wajar berikutan dari laporan Pemberi Maklumat yang mengakibatkan tindakan tertentu diambil ke atasnya, tetapi menganggap bahawa layanan yang diberikan kepadanya adalah tidak adil, boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Pengarah Syarikat untuk mengkaji semula keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Audit.

## **7. KAJIAN SEMULA DASAR**

Dasar ini perlu dikaji semula dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Audit untuk memastikan bahawa ia tetap relevan dan wajar.

## **8. DAFTAR DAN PELAPORAN SUKU TAHUNAN**

Satu (1) daftar lengkap yang mengandungi semua laporan yang diterima oleh Syarikat menurut Dasar Pemberi Maklumat ini, berserta maklumat terperinci mengenai siasatan yang dijalankan (sekiranya ada) perlu disenggarakan sewajarnya oleh Syarikat dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit secara suku tahunan.

Daftar tersebut berserta laporan suku tahunan boleh diperiksa pada bila-bila masa oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luaran serta mana-mana pihak berkuasa, asalkan identiti Pemberi Maklumat dilindungi dan disunting pada setiap masa, kecuali Pemberi Maklumat tersebut telah memberi kebenaran secara bertulis untuk mendedahkan identitinya atau sekiranya pendedahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang, mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau pihak berkuasa yang sah.

Sekiranya dianggap wajar, pengajaran yang dapat diperolehi daripada siasatan ke atas Kelakuan Tidak Wajar akan dikongsikan dengan Pengurusan dan Ketua Bahagian /Jabatan supaya langkah yang sewajarnya dan pengawalseliaan dalaman tambahan boleh diambil dan/atau dilaksanakan untuk memastikan bahawa kejadian seumpamanya boleh dielakkan/dihalang pada masa akan datang.